

# AL-QUR'ĀN AL-KARĪM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

## Sejarah Perkembangan Tafsir

Pada bilangan yang lalu, telah dihuraikan sejarah perkembangan tafsir semenjak zaman Nabi, sahabat dan tabiin, membawa kepada zaman *mutaqaddimīn*, dan sekarang kita sajikan perkembangan dalam zaman *muta'akhirīn* – Pengarang Qalam.

### Perkembangan tafsir dalam zaman *muta'akhirīn*

(Dari permulaan kurun yang keempat H.)

Sesudah zaman Ibn Jarīr al-Ṭabarī, timbul pula beberapa ahli ilmu tafsir *al-Qur'ān al-Karīm*; di antaranya ada yang tetap menurut jejak “salaf” (jejak sahabat, tabiin dan ulama *mutaqaddimīn* yang hidup dalam kurun yang pertama hingga akhir kurun yang ketiga – P.), seperti: Abū Muḥammad al-Baghawī dan lain-lain. Ada pula yang memenuhi tafsirnya dengan berbagai-bagai riwayat Israiliyyat (dongeng yang berpunca dari orang Yahudi – P.) Di antara mereka ada pula yang memasukkan riwayat dengan tidak menyebut sanadnya (orang-orang yang meriwayatkannya – P.) lagi. Oleh itu sukarlah kita membezakan riwayat yang sahih dari yang lemah. Mereka loba sekali memasukkan aneka rupa riwayat ke dalam tafsir, seperti tafsir “al-Khāzin”.

Di antara ulama-ulama tafsir itu ada yang tidak hanya mentafsirkan *al-Qur'ān* dengan dasar riwayat semata-mata, tetapi juga menggunakan kaedah-kaedah bahasa dan alam ijtihad.

Pada masa itu segala hadis telah dibukukan. Ilmu hikmah, falsafah dan mantik telah dipelajari dengan baik. Ilmu *balāghah* telah disusun rapi. Kaedah-kaedah *uṣūl*, *muṣṭalah*, adab-adab perundingan telah diatur sempurna. Oleh yang demikian, mulailah segolongan *mufasssīrīn* (ahli-ahli tafsir) *mentaṣṣīh* (menyemak dan membetulkan – P.) segala riwayat-riwayat yang berasal dari Israiliyyat dan mulailah pemeriksaan didasarkan kepada petunjuk-petunjuk akal dan keterangan-keterangan yang nyata. Pada saat itu, mulailah tafsir *al-Qur'ān* kuat alasan-alasannya, kerana ahli-ahli tafsir itu tidak lagi menerima melainkan riwayat-riwayat sahih sahaja dan diterima pula oleh akal yang sempurna, atau dikuatkan oleh kaedah-kaedah ilmu bahasa. Tegasnya, golongan ini telah membersihkan tafsir dari riwayat-riwayat Israiliyyat.

Ahli tafsir yang mula-mula mentafsirkan *al-Qur'ān* atas dasar riwayat yang sahih dan kaedah yang kuat, ialah: Abū Muslim al-Aṣbahānī (meninggal: 322 H). Sesudah itu Abū Muḥammad ibn ‘Aṭīyyah al-Maghribī (meninggal: 512 H), yang telah mengambil pati segala tafsir *mutaqaddimīn* dan mengambil riwayat-riwayat yang dipandang sahih sahaja. Ia telah

menyusun tafsirnya yang menjadi pegangan orang Maghribi dan orang Islam di negeri Sepanyol. Tafsir ini bernama “*Al-Muḥrarr al-Wajīz*.”

Usahanya itu telah diturut oleh al-Imām Abū ‘Abd Allāh al-Qurtūbī (meninggal: 671 H). Ahli tafsir ini telah menyusun sebuah tafsir bernama “*Jāmi‘ Ahkām al-Qur‘ān*”

Di antara ahli-ahli tafsir dari aliran ini, ialah: al-Zamakhsharī (meninggal: 538 H) penyusun tafsir “*Al-Kashāf*”, al-Fakhr al-Rāzī (meninggal: 606 H) dan al-Bayḍāwī (meninggal 685 H).

Tafsir-tafsir ini telah tersiar dalam masyarakat, kecuali tafsir Abū Muslim al-Aṣbahānī yang bernama “*Jāmi‘ al-Ta‘wīl*.” Sekiranya kitab ini telah dicetak tentulah kita akan memperoleh “pati tafsir *mutaqaddimīn* yang berdasarkan ilmu” yang di tulis dibawah sinaran riwayat yang sah dan undang-undang ijthid yang sempurna. Keadaan yang kita terangkan ini, kita selami dari *muṭāla‘ah* kitab tafsir “al-Rāzī” yang banyak benar menurunkan perkataan dan pendapat Abū Muslim itu. Lebih-lebih lagi hal ini dapat dirasai bila kita *muṭāla‘ah* tafsir “*al-Muqtaṭif*” yang telah memetik faham dan pendapat Abū Muslim dari tafsir al-Fakhr al-Rāzī itu.

Kemudian daripada itu, timbul pula di antara dua golongan itu, suatu golongan yang menghimpunkan antara riwayat dan *dirāyah*. Di antara kitab-kitab tafsir yang berdasarkan “riwayat dan *dirāyah*,” ialah:

1. Tafsīr Ibn Kathīr, sebuah tafsir yang tinggi nilainya. Kitab ini, selain daripada membawa riwayat maka ia juga menerangkan *dirāyah* riwayat-riwayat itu. Riwayat-riwayatnya pula tiada berapa dilemahkan oleh ahli hadis.
2. Tafsīr Faṭḥ al-Qaḍīr, disusun oleh al-Shawkānī.
3. Tafsīr al-Rūḥ al-Ma‘ānī, disusun oleh Muḥammad Ṣaḍīq Ḥasan Khān.

Selain daripada itu, ada lagi sejumlah kitab-kitab tafsir

yang juga berkembang dalam masyarakat umat Islam.

Ibn Taymiyyah berkata: Sesahih-sahih tafsir yang ada didapati dalam masyarakat sekarang ialah: Tafsīr Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī. Ia menyebut segala pendapat “salaf” dengan cukup sanadnya. Tidak ada di dalamnya faham bidaah. Ia juga tidak menukulkan sesuatu riwayat dari orang yang dituduh berdusta seperti Muqātil Ibn Sulaymān dan al-Kalbī.

Adapun Tafsīr al-Zamakhsharī, banyak bidaah di dalamnya yakni banyak dimasukkan faham Muktazilah. Seterusnya Ibn Taymiyyah berkata: Tafsīr al-Qurtūbī lebih baik daripada Tafsīr al-Zamakhsharī, dan Tafsīr Ibn ‘Aṭīyyah pun lebih baik daripada Tafsīr al-Zamakhsharī. Tetapi yang lebih sah daripada semuanya ialah Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī.

Al-Nawawī pula berkata di dalam al-Tahdhīb: “Kitab Ibn Jarīr al-Ṭabarī tidak ada bandinganya.

Al-Suyūṭī pula berkata di dalam al-Itqān 2: 190 “Telah ijmak sekalian ulama yang muktabar, bahawa tidak ada Suatu tafsir yang menyamai “*Jāmi‘ al-Bayān*,” susunan Ibn Jarīr al-Ṭabarī.

Menurut penyiasatan kami, kita patut mengumpulkan tafsir-tafsir yang berdasarkan riwayat sebagaimana patutnya kita mengumpulkan tafsir-tafsir yang berdasarkan *dirāyah*, dengan memperhatikan (menyemak dan menyiasat – P.) tafsir-tafsir itu, dapatlah kita mengambil sesuatu “*natījah tafsīr*” yang kuat, yang dapat dikumpulkan untuk diuji oleh ilmu pengetahuan moden sekarang ini.

### **Tafsir zaman sekarang**

Ahli tafsir dalam masa yang akhir-akhir ini, semenjak permulaan kurun ke sebelas hijrah, hanyalah ringkasan-ringkasan dari bahasan-bahasan ahli tafsir *mutaqaddimīn* belaka. Hanya beberapa keterangan baharu sahaja yang mereka kemukakan, yang belum dikupas oleh ahli-ahli tafsir *mutaqaddimīn*.